

**PERANAN SISTEM PERUNDANGAN HUKUM
KANUN MELAKA DALAM KONTEKS
KEHIDUPAN MASYARAKAT
MELAYU TRADISIONAL
(1403-1511)**



**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**PERANAN SISTEM PERUNDANGAN HUKUM
KANUN MELAKA DALAM KONTEKS
KEHIDUPAN MASYARAKAT
MELAYU TRADISIONAL
(1403-1511)**

NORHAYATI BINTI DAMING

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa karya penulisan Latihan Ilmiah yang bertajuk Peranan Sistem Perundangan Hukum Kanun Melaka Dalam Konteks Kehidupan Masyarakat Melayu Tradisional (1403-1511) ini merupakan hasil kerja saya sendiri, kecuali petikan, nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 OGOS 2022



Norhayati Binti Daming
BA19110658



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **NORHAYATI BINTI DAMING**

NO. MATRIKS : **BA19110658**

JUDUL : **PERANAN SISTEM PERUNDANGAN HUKUM KANUN MELAKA
DALAM KONTEKS KEHIDUPAN MASYARAKAT MELAYU
TRADISIONAL (1403-1511)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

Saya **NORHAYATI BINTI DAMING** sesi **2021-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK
TERHAD

DISAHKAN OLEH;



Prof. Madya Dr. Mohd Sohaimi Esa

PENYELIA

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim, pertama-tama saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke atas hadrat Ilahi kerana dengan kurnia-Nya, saya dapat menyiapkan penulisan latihan ilmiah ini dengan baik. Meskipun sepanjang menyiapkan tugas ini tidak berjalan dengan mulus dan dipenuhi dengan beberapa cabaran, namun berkat pertolongan pihak-pihak penting, saya dapat menyiapkan tugas yang telah diamahkan kepada saya sesuai tempoh yang telah ditetapkan.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan juga jutaan terima kasih kepada Professor Dr. Sohaimi Esa selaku penyelia yang telah mengajar dan membimbing saya untuk menyiapkan penulisan ilmiah ini. Selain memberikan bimbingan, beliau juga sering memberikan galakan motivasi yang tinggi kepada saya agar tetap semangat untuk meneruskan perjuangan menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Selain itu, ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada kedua orang tua saya iaitu Tuan Daming Bin Lawaru dan Puan Darwisa Binti Mahide atas galakan, motivasi, sokongan, dan bantuan yang telah diberikan kepada saya dalam pelbagai bentuk termasuklah melibatkan bantuan kewangan yang diperlukan sepanjang menyiapkan latihan ini.

Sekalung penghargaan juga saya berikan kepada rakan-rakan seperjuangan yang lain khususnya Mohd Syam Bin Halipa yang sudi membantu dan berkongsi maklumat sepanjang proses penyiapan tesis ini. Saya sangat bersyukur mempunyai sahabat baik yang saling mendorong antara satu sama lain untuk terus membuahkan semangat agar tetap tabah dan sabar selama menjayakan penulisan ilmiah ini.

Akhir kata dari saya, diharapkan semoga Allah dapat membalas segala budi baik semua pihak yang telah terlibat dalam membantu saya menyiapkan penulisan ini tanpa mengira bantuan yang diberikan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Norhayati Binti Daming

12 OGOS 2022

ABSTRAK

Tajuk kajian ini memberikan tumpuan terhadap fungsi serta peranan sistem perundangan bagi salah satu negeri-negeri Melayu tradisional iaitu Hukum Kanun Melaka dalam konteks kehidupan masyarakatnya iaitu dari sekitar tahun 1403 hingga tahun 1511. Perbincangan mengenai undang-undang menjadi bukti bahawa masyarakat Melayu terdahulu mempunyai sistem undang-undang mereka yang tersendiri. Sumber undang-undang tradisional tersebut dipercayai berasal daripada unsur adat kepercayaan dan dipengaruhi oleh hukum Islam. Sistem undang-undang di negeri Melaka mencapai zaman kemuncaknya semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka iaitu dengan wujudnya dua sumber undang-undang utama iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. Namun, pengkaji telah menetapkan skop kajian ke atas peranan sistem perundangan Hukum Kanun Melaka kepada masyarakat sahaja. Kaedah kajian yang digunakan di dalam kajian ini meliputi kaedah kepustakaan dan kaedah analisis sumber. Bagi mengukuhkan fakta hasil dapatan kajian, pengkaji memperolehi data melalui metode kajian berdasarkan pemerhatian dan juga pembacaan daripada sumber buku, kertas kerja serta tesis kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Hasil penelitian akan diterangkan di setiap bab mengikut pembahagian tajuk utama iaitu dari bab satu hingga bab kelima. Dapatan kajian mendapati bahawa sememangnya Hukum Kanun Melaka mempunyai peranannya yang tersendiri terhadap masyarakat Melayu Melaka suatu ketika dahulu.

Kata Kunci: Undang-undang, Hukum Kanun Melaka, Masyarakat, Peranan

ABSTRACT

THE ROLE OF LEGAL SYTEM "HUKUM KANUN MELAKA' IN THE CONTEXT OF TRADITIONAL MALAY COMMUNITY LIFE (1403-1511)

This study focuses on the function and role of legal system for one of the traditional Malay states, namely as The Law of Malacca in the context of the life of its community around year 1403 to 1511. The discussion about the law is evidence that the Malay community had a legal system in the past. their own laws. The source of traditional law is believed to be originated from traditional elements of belief and influenced by Islamic law. The legal system in the state of Malacca reached its peak during the rule of The Malay Sultanate of Malacca with the existence of two main sources of law, which is The Law of Malacca and The Maritime Law of Malacca. However, the researcher has set the scope of the study focuses on the role of The Law of Malacca legal system to their community. The research methods used in this study include library methods and source analysis methods. In order to strengthen the facts of the research findings, the researcher obtained data through a research method based on observation and also reading from book sources, paper works and past studies that related to the research topic. The results of the research will be explained in each chapter according to the division of the main title, which is chapter one to chapter five. The findings of the study found that indeed The Law of Malacca had its own role for the Malay community once upon a time.

Keywords: *Law, The Law of Malacca, Society, Role*

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI PETA	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI GAMBAR	xii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Sorotan Literatur	5
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Skop Kajian	12
1.8 Kaedah Kajian	13
1.9 Pembahagian Bab	14
1.10 Kesimpulan	16

BAB 2: PENSEJARAHAN MELAKA

2.1	Pengenalan	17
2.2	Sejarah Awal Kewujudan Kerajaan Melaka	17
2.3	Sultan Melaka	21
2.4	Perdagangan Melaka	
2.3.1	Faktor Kemunculan Melaka sebagai Pusat Perdagangan	27
2.3.2	Hubungan Perdagangan Melaka pada Abad ke-15	32
2.5	Masyarakat Melayu Melaka	36

BAB 3: LATAR BELAKANG HUKUM KANUN MELAKA

3.1	Pengenalan	41
3.2	Definisi Undang-undang	41
3.3	Sejarah Kewujudan Hukum Kanun Melaka	44
3.4	Pengaruh Islam Dalam Hukum Kanun Melaka	51
3.5	Pengaruh Hukum Kanun Melaka ke Atas Undang-undang Negeri Lain	
3.5.1	Undang-undang Johor	55
3.5.2	Undang-undang Pahang	57
3.5.3	Undang-undang 99 Perak	60
3.5.4	Undang-undang Kedah	64

BAB 4: PERANAN HUKUM KANUN MELAKA TERHADAP MASYARAKAT MELAYU MELAKA TRADISIONAL

4.1	Pengenalan	66
4.2	Peranan Hukum Kanun Melaka Terhadap Masyarakat Melaka Tradisional	
4.2.1	Menjamin Kesejahteraan Masyarakat	67
4.2.2	Membentuk Nilai-Nilai Moral Masyarakat	70

4.2.3	Menjadi Sumber Rujukan Kepada Masyarakat	74
4.2.4	Memperkukuh Cara Hidup Berasaskan Agama Islam	80
4.2.5	Mempertahankan Sistem Sosial Masyarakat	84
4.2.6	Membantu Mendapatkan Hak Pemilikan Tanah	86

BAB 5: KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	88
5.2	Rumusan Bab 1	88
5.3	Rumusan Bab 2	90
5.4	Rumusan Bab 3	93
5.5	Rumusan Bab 4	94
5.6	Rumusan Keseluruhan	95

SENARAI RUJUKAN



SENARAI PETA

Peta 2.1: Kedudukan Melaka sebagai Laluan Perdagangan	Halaman 26
---	---------------



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1: Senarai Ringkasan Persamaan Kandungan Undang-Undang Johor dengan Hukum Kanun Melaka	52



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

	Halaman	
Gambar 2.1	Ilustrasi Lokasi Pengawasan Melaka	19
Gambar 2.2	Gambaran Laluan Perdagangan Melaka	24
Gambar 2.3	Aliran Angin Monsun Selat Melaka	27
Gambar 2.4	Hukum Kanun Melaka	37
Gambar 2.5	Undang-undang Laut Melaka	37
Gambar 3.1	Ringkasan Fasal Hukum Kanun Melaka (Fasal 1-10)	45
Gambar 3.2	Ringkasan Fasal Hukum Kanun Melaka (Fasal 11-29)	46
Gambar 3.3	Ringkasan Fasal Hukum Kanun Melaka (Fasal 12-44)	47
Gambar 3.4	Fasal Undang-undang 99 Perak (Fasal 1-37)	58
Gambar 3.5	Fasal Undang-undang 99 Perak (Fasal 38-80)	59
Gambar 3.6	Fasal Undang-undang 99 Perak (Fasal 81-99)	60
Gambar 4.1	Ilustrasi Hukuman yang Dikenakan Kepada Pesalah	73
Gambar 4.2	Ilustrasi Hukuman yang Dikenakan Kepada Pesalah	73

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab terawal ini, pengkaji akan membincangkan tentang pengenalan tajuk kajian iaitu berkaitan sistem undang-undang yang diguna pakai oleh masyarakat Melayu Melaka tradisional terdahulu. Selain itu, bab ini juga akan membincangkan tentang objektif kajian, permasalahan kajian, kepentingan kajian, skop kajian serta kaedah yang digunakan sepanjang menjalankan kajian penulisan. Seterusnya, dalam bab ini juga pengkaji akan menampilkan sorotan-sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk umum kajian latihan ilmiah ini iaitu berkaitan Undang-undang Melayu tradisional beserta peranannya terhadap masyarakat. Perbincangan terakhir dalam bab ini pula akan membincangkan tentang pembahagian isi-isi kandungan kajian ke beberapa bab tertentu.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem perundangan merujuk kepada hukum ataupun undang-undang yang mempunyai satu set peraturan dalam mentadbir tingkah laku manusia. Tujuan penubuhan sistem perundangan ini adalah untuk keadilan dan menjamin keamanan serta keselamatan masyarakat. Lantaran itu, masyarakat Melayu tradisional terdahulu menjalankan kehidupan harian mereka dengan berlandaskan hukum adat dan undang-undang tradisi mengikut negeri masing-masing.

Pada awal abad ke-13, Melaka muncul sebagai sebuah pusat tamadun Melayu Islam dan ini telah menyebabkan penyebaran agama Islam di alam Melayu mulai berkembang.¹ Semasa zaman pemerintahan Sultan Muhammad Syah di Melaka tersebut, sebuah undang-undang Melaka atau lebih dikenali sebagai Hukum Kanun Melaka telah diperkenalkan dan diterima pakai sebagai undang-undang Islam semasa zaman kesultanan Melayu Melaka.² Undang-undang Melaka ini dikatakan sebuah perundangan hasil rujukan daripada teks Abu Shuja' dan juga Fath al-Qarib oleh Ibnu Qasin al-Ghazzi.³ Kemudian, negeri-negeri Melayu lainnya mulai mengikuti langkah kerajaan Melaka yang membentuk sistem perundangan mereka yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana undang-undang Melaka telah dijadikan sebagai asas panduan kepada pembentukan undang-undang di negeri Melayu lainnya.

Hukum Kanun Melaka dikatakan sebagai sebuah dokumen yang telah digubal untuk dijadikan panduan dalam mengatur serta menjalankan pemerintahan semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka.⁴ Hukum tersebut telah dijadikan sebagai peraturan yang harus dipatuhi oleh setiap masyarakat pada ketika itu dan bahkan menjadi panduan dalam menjalankan asas kehidupan harian mereka.⁵ Oleh hal yang demikian jelaslah mengapa sistem perundangan dikatakan mempunyai peranannya yang tersendiri terhadap konteks kehidupan masyarakat Melayu tradisional.

¹ Mohamad Hafifi Hassim, Ahmad Murshidi & Abdul Hakim, Sejarah Pelaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia: Sorotan Terhadap Sistem Kehakimaman Islam di Negeri Melaka, *Journal of Muwafaqat*, 2(2): 59-72, 2019, hlm. 62.

² *Ibid.*, hlm. 62.

³ *Ibid.*, hlm. 63.

⁴ Fuziah Shaffie & Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 2000, hlm. 50.

⁵ Salihahs Razak, *Pelaksanaan Undang-undang Adat Mengikut Undang-undang Melaka dalam Sulalatus Salatin*, Masters Thesis, Universiti Putra Malaysia (unpublished), 2018, hlm. 8.

1.3 Permasalahan Kajian

Secara umumnya, pihak pemerintahan serta kerajaan semasa zaman kesultanan Melayu Melaka mempunyai permasalahan dalam menjalankan pemerintahan yang lebih berkesan dan teratur. Oleh hal yang demikian, para pemerintah mula memikirkan cara untuk menjalankan pentadbiran secara berkesan tanpa menyebabkan berlakunya sebarang hal-hal yang boleh mengganggu keamanan dan kesejahteraan masyarakatnya. Lantaran itu, pemerintah pada zaman Melayu Melaka terdahulu mula membentuk sebuah sistem perundangan untuk negeri tersebut. Dengan itu, pengkaji berminat untuk mengetahui peranan serta keberkesanan pembentukan sistem perundangan tradisional negeri Melaka iaitu Hukum Kanun Melaka dalam konteks kehidupan masyarakatnya.

Meskipun teks Sejarah Melayu menerangkan tentang beberapa data berkaitan undang-undang di Melaka namun persoalan mengenai bagaimana dan dari mana Hukum Kanun Melaka itu sebenarnya terbentuk masih menjadi perdebatan sehingga ke hari ini. Dalam teks Sejarah Melayu tertua menyebut bahawa dari zaman pemerintahan Sultan Iskandar Syah lagi, undang-undang adat istiadat telah diperkenalkan sebagai peraturan yang dicipta untuk menjamin ketenteraman sosial dari segi pemerintahan masyarakat Melayu Melaka pada ketika itu. Ekoran dari pengenalan undang-undang adat ini dapat dilihat bahawa undang-undang Melaka telah sejak awal penubuhan kerajaan kesultanan Melayu Melaka lagi iaitu seawal abad ke-15. Walau bagaimanapun, terdapat juga teks Sejarah Melayu yang menyatakan bahawa undang-undang Melaka mula diperkenalkan semasa era pemerintahan Raja Melaka yang ketiga iaitu Sultan Muhammad Syah. Bertitik tolak dari permasalahan ini, pengkaji berminat untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan latar belakang Undang-undang Melaka atau Hukum Kanun Melaka yang diperkenalkan oleh pemerintah kepada masyarakat tradisional tempatan terdahulu.

Pengkajian berkaitan sistem perundangan Melayu tradisional juga sudah lama mendapat penelitian pengkaji, namun, ia hanya berfokuskan untuk mengupas dengan lebih mendalam berkaitan aspek sejarah penggubalannya sahaja. Dengan

itu, pengkaji mula memikirkan untuk menjalankan kajian yang turut mengupas tentang kepentingan sistem perundangan Melaka yang telah digubal semasa zaman Melayu tradisional terdahulu dengan melihat peranannya terhadap konteks kehidupan masyarakat pada masa itu.

1.4 Objektif Kajian

Pengkaji telah menggariskan beberapa objektif sebagai sasaran yang ingin dicapai melalui pengkajian yang dilakukan. Antara objektif-objektif tersebut adalah untuk:

i. Merungkai asal-usul pensejarahan Kesultanan Melayu Melaka

Kesultanan Melayu Melaka merupakan negeri awal yang telah memperlihatkan suatu tradisi yang menjadi dasar kepada pembentukan budaya politik di alam Melayu. Selaras dengan itu, salah satu objektif dalam kajian ini adalah untuk merungkai hal-hal yang terkait dengan pensejarahan awal Melaka dari sejarah awal kewujudannya sehingga ke peradaban masyarakatnya seperti bahasa, tulisan dan sistem perundangan yang digunakan.

ii. Memperkenalkan peristiwa awal sejarah penubuhan sistem perundangan Hukum Kanun Melaka

Setiap negeri-negeri Melayu dikatakan telah lama mempunyai sistem perundangannya yang tersendiri dan diwarisi sejak zaman-berzaman iaitu sebelum kedatangan penjajah asing lagi. Undang-undang dalam Hukum Kanun Melaka meliputi keseluruhan aspek kehidupan masyarakat Melayu Melaka pada ketika itu. Dalam kajian kali ini, objektif kajian yang dilakukan adalah untuk menjelaskan sejarah awal bagaimana sistem perundangan negeri Melaka iaitu Undang-undang Melaka atau lebih dikenali sebagai Hukum Kanun Melaka ini dapat ditubuhkan.

iii. Mengenalpasti fungsi serta peranan sistem perundangan

Hukum Kanun Melaka dalam konteks kehidupan masyarakat zaman Melayu tradisional

Sehubungan dengan wujudnya sistem perundangan Hukum Kanun Melaka ini juga, masyarakat pada ketika itu mula menjalankan kegiatan harian serta norma kehidupan mereka dengan berlandaskan undang-undang yang telah diwujudkan oleh kerajaan Melaka semasa zaman tersebut. Oleh hal yang demikian objektif kajian yang ketiga adalah bertujuan untuk mengetahui apakah fungsi serta peranan sistem perundangan Hukum Kanun Melaka terhadap kehidupan masyarakat semasa zaman kesultanan Melayu Melaka terdahulu.

1.5 Sorotan Literatur

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menumpukan perbincangan mengenai sorotan-sorotan kajian lepas berkaitan tajuk sistem perundangan yang wujud semasa zaman Melayu tradisional dan juga peranan sistem perundangan tersebut terhadap konteks kehidupan masyarakat tempatan.

Tema 1: Pengertian Sistem Perundangan Melayu Tradisional

Berdasarkan penulisan Fuziah Shaffie dan Ruslan Zainuddin (2000), sistem perundangan Melayu tradisional dibahagikan kepada dua bentuk iaitu hukum adat dan juga undang-undang.⁶ Hukum adat bererti sebuah peraturan yang dibuat oleh sesuatu kekuasaan contohnya seperti negara, raja dan lain-lainnya yang berdasarkan kebiasaan serta ianya diamalkan oleh sesuatu masyarakat secara turun-temurun sehingga ia dianggap sebagai hukum yang harus dipatuhi. Undang-undang pula dikatakan sebagai suatu peraturan atau keseluruhan peraturan yang digubal oleh kerajaan bersama dengan sesuatu badan yang berkenaan.

⁶ Fuziah Shaffie & Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 2000.

Melalui penulisan Muhammad Yusof Hashim (1990) dalam Kesultanan Melayu Melaka pula mendefinisikan bahawa sistem perundangan ini merupakan sebahagian daripada keseluruhan sistem masyarakat yang bergerak mengawal perlakuan dan membentuk unsur-unsur dinamik yang sejajar dengan kedinamikan sesebuah kebudayaan masyarakat.⁷ Tambahan lagi, perkembangan undang-undang yang berlaku adalah bersesuaian dengan perkembangan serta perubahan yang berlaku dalam masyarakatnya. Tuntasnya, sistem perundangan dikatakan berfungsi dalam memberikan panduan mengenai apa yang dilarang serta apa hukuman-hukuman yang akan dikenakan sekiranya sesuatu peraturan itu dilanggar atau tidak dipatuhi.

Kajian Naskhah Undang-undang Adat Melayu di London yang ditulis oleh Jelani Harun juga dapat dijadikan sebagai kajian sorotan literatur yang membincangkan berkaitan sistem perundangan Melayu tradisional. Namun yang berbezanya dari penulisan ini, ianya lebih menumpukan kepada perspektif sarjana Barat berkaitan sistem perundangan Melayu tradisional.⁸ Hal ini dikatakan demikian kerana penulisan ini menerapkan pelbagai pandangan sarjana Inggeris untuk memaknakan undang-undang adat Melayu. Sebahagian sarjana tersebut mendefinisikan undang-undang adat Melayu dengan istilah *code* seperti undang-undang Inggeris. Sebagai contoh, Raffles (1816) dan Maxwell (1884) dalam tulisan mereka telah menamakan beberapa undang-undang Melayu seperti *The Maritime Code of the Malays*, *Malacca Code*, *Perak Code* dan *Malay Codes of Laws*.

Tema 2: Sejarah Awal Pembentukan Hukum Kanun Melaka

Melalui penulisan kajian Mohamad Hafifi Hassim beserta kawan-kawan, sejarah awal pelaksanaan sistem perundangan di negeri Melayu adalah dipengaruhi oleh unsur agama Islam dan dimulai oleh kesultanan Melayu Melaka.⁹ Hal ini dikatakan

⁷ Muhammad Yusof Ibrahim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990.

⁸ Jelani Harun, Kajian Naskhah Undang-undang Adat Melayu di London, *Jurnal Sari*, Vol. 26: 127-148, 2008.

⁹ Mohamad Hafifi Hassim, Ahmad Sejarah Pelaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia: Sorotan Sistem Kehakiman Islam di Negeri Melaka, *Journal of Muwafaqat*, 2(2): 59-72, 2019.

demikian kerana sebelum kedatangan penjajah di negeri-negeri Melayu, undang-undang yang bersifat keagamaan Islam telah diterima pakai dalam hukum adat masyarakat tempatan. Tambahan lagi, Islam dikatakan mula bertapak kuat di Melaka bermula pada awal abad ke-13 dan ini telah menyebabkan pemerintahan Melaka mula menubuhkan sistem perundangannya yang terawal iaitu Undang-undang Melaka atau dikenali juga sebagai Hukum Kanun Melaka. Akhirnya negeri-negeri Melayu lainnya mula mengikut jejak kerajaan Melaka dengan menubuhkan sistem perundangan mengikut negeri masing-masing sehingga wujudlah undang-undang seperti Undang-undang Pahang dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor.

Menurut sorotan kajian S.Q Fatimi pula, undang-undang Islam hanya wujud di alam Melayu tradisional pada abad ke-15 Masihi selepas terdirinya kerajaan Islam di Melaka.¹⁰ Hal ini dikatakan demikian kerana sebelum kedatangan Islam, sistem perundangan masyarakat Melayu tradisional adalah berasaskan hukum adat yang diamalkan secara turun temurun serta didominasi dengan pengaruh unsur Melayu-Hindu-Buddha. Setelah 'pengislaman' kerajaan Melayu Melaka, sistem pentadbiran beserta sistem perundangan di Melaka yang dahulunya berasaskan hukum adat tradisional telah mengalami perubahan dengan pembentukan teks-teks perundangan seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah.

Seterusnya ialah penulisan Dr. Ali Abubakar yang bertajuk Undang-undang Melaka juga dapat dijadikan sebagai bahan kepada sorotan literatur dalam tema ini kerana kandungan karya penulisan ini ada membincangkan berkaitan sejarah awal pembentukan Undang-undang Melaka, isi yang terdapat dalam naskah undang-undang tersebut beserta pengaruhnya terhadap undang-undang yang lain.¹¹ Mengenai sejarah awal pembentukan Undang-undang Melaka itu sendiri penulis

¹⁰ Fatimi, S.Q, *Islam Comes to Malaysia*, Singapura: Malaysian Sociology Research Institute, 1963.

¹¹ Dr. Ali Abu Bakar, *Undang-undang Melaka*, Aceh: Sahifah Publications, 2018.

menyatakan bahawa terdapat perbezaan pendapat para penulis sejarah. Misalnya, Hamka mengatakan bahawa jika dilihat dari isi undang-undang yang digariskan, Sultan Muhammad Syah merupakan sultan pertama dalam versi Hamka yang telah menetapkan undang-undang ini. Menurut Liaw Yock Fang pula Undang-undang Melaka tulen ditulis pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Syah (1424-1444) dan selesai pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah (1445-1458). Manakala menurut pandangan Hang Sidi Ahmad pula mengungkapkan bahawa sistem perundangan ini berasal daripada Sultan Iskandar Zulkarnain, lalu diturunkan kepada Iskandar Syah (sultan pertama Melaka yang bergelar sultan Mahmud Syah).

Tema 3: Contoh Sistem Perundangan Melayu Tradisional

Seperti yang dinyatakan dalam penulisan Sejarah Malaysia karya Fuziah Shaffie dan Ruslan Zainuddin, sistem perundangan Melayu Tradisional terbahagi kepada dua bentuk iaitu Hukum Adat dan Undang-undang.¹² Hukum adat masyarakat Melayu tradisional terdiri daripada Adat Perpatih dan juga Adat Temenggung. Manakala undang-undang Melayu tradisional adalah seperti Undang-undang Melaka (Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka), Undang-undang Pahang dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor.

Menurut Norhalim, adat perpatih merupakan salah satu sistem perundangan kompleks yang dalamnya terkandung pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, estetika, undang-undang adat resam dan segala bentuk kepentingan yang boleh diguna pakai oleh individu sebagai ahli masyarakat pengamalinya serta yang membezakannya dengan masyarakat lain.¹³ Adat ini berasal dari tanah Minangkabau, Sumatera dan diasaskan oleh seorang pemimpin Minang iaitu Dato' Perpatih Nan Sebatang.

¹² Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti, 2004.

¹³ Norhalim Ibrahim, *Sejarah Linggi: Pintu Gerbang Sejarah Pembangunan Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1998.

Dalam penulisan Fuziah Shaffie dan Ruslan Zainuddin juga, mereka menjelaskan berkaitan adat Temenggung.¹⁴ Adat Temenggung ini dikatakan diamalkan oleh masyarakat Melayu terdahulu di beberapa buah negeri di Semenanjung Tanah Melayu seperti di Johor, Perak, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Pahang, dan Melaka. Adat Temenggung ini dikatakan disusun oleh Dato' Ketemenggunan iaitu abang tiri daripada Dato' Perpatih Nan Sebatang.

Dalam sebuah penulisan yang bertajuk Pengaruh Hukum Kanun Pahang Terhadap Raja Dan Pemerintahannya menjelaskan berkaitan peristiwa pembentukan Undang-undang Pahang sebagai salah satu sistem perundangan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional.¹⁵ Undang-undang Pahang disusun pada tahun 1596 untuk diberikan kepada Sultan Pahang iaitu Sultan Abdul Ghafur Muhaiyuddin Syah. Beberapa perkara yang diambil perhatian dalam undang-undang ini adalah seperti larangan kekuningan, penentuan bahasa, tugas pembesar, tanggungjawab raja, hukuman derhaka terhadap raja dan sebagainya.

Berdasarkan penjelasan Yusof Ibrahim dalam karya Kesultanan Melayu Melaka beliau, beberapa perubahan telah dibuat setelah Raja Melaka iaitu Raja Kecil Besar memeluk Islam.¹⁶ Perubahan yang berlaku dipercayai telah membawa Melaka menjadi sebuah negeri terawal sekali yang memperkenalkan undang-undang bertulis dengan adanya Hukum Kanun Melaka serta Undang-undang Laut Melaka.

¹⁴ Fuziah Shaffie & Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 2000.

¹⁵ Nurliana Suhaini et. al., Pengaruh Hukum Kanun Pahang Terhadap Raja Dan Pemerintahannya, *Jurnal Tuah*, Vol. 1: 108-116, 2020.

¹⁶ Muhammad Yusof Ibrahim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990.

Buku penulisan Bharuddin Che Pa yang bertajuk Pengaruh Islam Dalam Sejarah Penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor juga merupakan salah sebuah hasil karya yang membincangkan berkaitan salah satu sistem perundangan Melayu tradisional iaitu Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor yang ditubuhkan sekitar tahun 1895 merupakan sebuah perlembagaan bertulis pertama yang digubal di negeri Johor.¹⁷ Undang-undang ini dapat dikategorikan sebagai sebuah perlembagaan yang bercirikan Islam kerana mempunyai unsur-unsur penting sebuah pemerintahan Islam seperti Islam sebagai agama negeri, kedaulatan syariah dan hukum Islam, keadilan sosial, pengamalan syura serta hak asasi manusia.

Tema 4: Peranan Sistem Perundangan Melayu Tradisional

Rogayah A. Hamid menjelaskan bahawa bidang ilmu seperti etika, peraturan dan undang-undang dalam naskhah Melayu lama mencerminkan kebijaksanaan pemerintah beraja zaman silam.¹⁸ Pembinaan undang-undang adat serta undang-undang melayu tradisional ini berperanan untuk memaparkan kebijaksanaan pemerintah dalam mengawal masyarakat agar mematuhi undang-undang yang telah diperuntukkan. Ringkasnya, undang-undang adat melayu tradisional berperanan menjamin pentadbiran kerajaan dengan lebih berkesan dan kebijaksanaan pemerintah dalam mentadbir kerajaan dengan baik ini sekali gus dapat menjamin kesejahteraan rakyat.

Menurut Alhaji Umar Alkali & Kamal Alhaji Daud, hukum adat serta undang-undang Islam yang terkandung dalam undang-undang adat melayu juga berperanan dalam melengkapinya serta mengawal kehidupan masyarakat agar tidak berpaling dari hukum Islam dan melanggar hukum adat tradisi masyarakat dahulu kala.¹⁹ Bukan itu

¹⁷ Baharuddin Che Pa, Pengaruh Islam Dalam Sejarah Penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895, *Journal of Al-Tamaddun*, 2(1): 89-112, 2007.

¹⁸ Rogayah A. Hamid, Pengantar Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim (Peny.), *Kesultanan Melayu Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2006.

¹⁹ Alhaji Umar Alkali & Kamal Alhaji Daud, The Effects of Colonialism on Shariah: The Malacca & Society Experiences, *Shariah Journal*, 23(1): 167-180, 2015.

sahaja, untuk memperkukuh amalan dan cara hidup berlandaskan syariah Islam, kerajaan Kesultanan Melayu Melaka telah membentuk sebuah Undang-Undang Melaka yang bertujuan membentuk masyarakat Melayu agar mematuhi undang-undang yang berlandaskan al-Quran dan Hadis.

Berdasarkan penulisan kajian Muhammadrofee-E Musor pula, sistem perundangan Melayu tradisional dikatakan berperanan sebagai satu bentuk norma sosial yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan dan wajib dipatuhi oleh masyarakat agar dapat mengawal tingkah laku dan etika sosial masyarakat Melayu zaman lampau.²⁰ Tuntasnya, undang-undang adat serta undang-undang Melayu ini dapat mengawal segala tindak tanduk masyarakat dari pelbagai sudut kehidupan.

Penulisan Nurliana Suhain dan yang lainnya juga menjelaskan bahawa kewujudan manuskrip undang-undang Melayu tradisional mempunyai peranan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa raja-raja Melayu terdahulu cuba berusaha untuk mengamalkan keadilan dalam pemerintahan untuk rakyatnya.²¹ Konsep keadilan undang-undang Melayu dilihat semakin kukuh dengan penerapan nilai-nilai keadilan pemerintahan dalam agama Islam. Kesimpulannya, peranan sistem perundangan melalui penulisan ini adalah untuk mewujudkan keadilan dalam pemerintahan sesebuah kerajaan terhadap rakyatnya.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat berkaitan kewujudan serta peranan yang dimiliki oleh sistem

²⁰ Muhammad rofee.E Musor, The Roots of Law in Malay Muslim Society, *Journal of Sociological Research*, 4(1): 267-277, 2013.

²¹ Nurliana Suhaini et. al., Pengaruh Hukum Kanun Pahang Terhadap Raja Dan Pemerintahannya, *Jurnal Tuah*, Vol. 1: 108-116, 2020.